

BAHAGIAN A
(30 MARKAH)

- 1 Apakah hukum Solat Jumaat bagi lelaki?
 - A Sunat.
 - B Wajib.
 - C Makruh.
 - D Sunat Muakkad.

- 2 Apakah hukum Solat Jumaat bagi wanita?
 - A Sunat.
 - B Wajib.
 - C Makruh.
 - D Sunnat Muakkad.

- 3 Berikut merupakan syarat wajib Jumaat **KECUALI**
 - A Islam
 - B Baligh
 - C Berakal
 - D Wanita

- 4 Berikut merupakan **bukan** perkara-perkara sunat Jumaat.
 - A Mandi sunat hari Jumaat
 - B Memotong kuku dan rambut yang panjang
 - C Bersegera ke masjid
 - D Lewat ke masjid

- 5 Siapakah golongan yang diberikan kelonggaran untuk tidak hadir Solat Jumaat?
 - A Orang yang sihat tubuh badan.
 - B Orang yang bermukim.
 - C Musafir, sekalipun waktu solat Jumaat didirikan Ketika dia sedang berhenti
 - D Orang yang tiada sebarang kekangan.

- 6 Maksud Jamak ialah _____.
- A Pendek
 - B Himpun
 - C Panjang
 - D Sederhana
- 7 Maksud Qasar ialah _____.
- A Pendek
 - B Himpun
 - C Panjang
 - D Sederhana
- 8 Berikut merupakan pembahagian jamak yang tepat.
- I. Jamak takdim
 - II. Jamak ta'khir
 - III. Jamak Soghir
 - IV. Jamak Kabir
- A I & II
 - B I, II & III
 - C II, III & IV
 - D Semua di atas
- 9 Air mutlak terbahagi kepada _____ jenis.
- A Empat (4)
 - B lima (5)
 - C enam (6)
 - D tujuh (7)

- 10 Berikut merupakan Solat yang boleh diqasarkan **KECUALI**
- A Solat Zohor.
 - B Solat Asar.
 - C Solat Isyak.
 - D Solat Subuh & Maghrib
- 11 Berikut merupakan **bukan** pasangan solat yang betul untuk Jamak & Qasar **KECUALI**
- A Solat Subuh & Maghrib
 - B Solat Zohor & Asar
 - C Solat Asar & Maghrib
 - D Solat Isyak & Subuh

Sahaja aku solat Fardhu Maghrib 3 Jamak Takdim kerana Allah ta'ala

- 12 Lafaz niat di atas adalah untuk Solat?
- A Jamak Takdim bagi Solat Fardhu Isyak
 - B Jamak Takdim bagi Solat Fardhu Maghrib
 - C Jamak Ta'khir bagi Solat Fardhu Maghrib
 - D Jamak Takdim bagi Solat Fardhu Asar
- 13 Berapakah jumlah keseluruhan rakaat bagi Solat Jamak Ta'khir serta qasar bagi Solat Fardhu Maghrib dan Solat Fardhu Isyak?
- A Dua (2) rakaat
 - B Tiga (3) rakaat
 - C Empat (4) rakaat
 - D Lima (5) rakaat

14 Berikut merupakan syarat yang membolehkan seseorang melakukan Solat Qasar **KECUALI**

- A Jarak perjalanan melebihi 2 marhalah (80 km dan ke atas)
- B Perjalanan bukan untuk maksiat
- C Orang yang bermukim
- D Tidak menjadi makmum kepada imam yang bermukim

1.Ketika dalam keadaan sakit atau uzur sehingga tidak dapat melakukan solat fardhu pada waktunya

2.Kerana hujan

15 Pernyataan di atas merujuk kepada keharusan melakukan solat secara _____.

- A Qasar
- B Jamak
- C Jamak Takdim
- D Jamak Ta'khir

16 Apakah yang dimaksudkan dengan rukhsah?

- A Keringanan
- B Keberatan
- C Kesusahan
- D Kesenangan

17 Apakah hukum solat bagi orang yang sakit?

- A Sunat
- B Wajib
- C Sunat Muakkad
- D Tidak Wajib

18 Bagaimanakah cara orang yang tidak mampu solat secara berdiri?

- A Solat secara baring mengiring
- B Solat secara baring menelentang
- C Solat menggunakan isyarat mata
- D Solat secara duduk

19 Antara berikut yang manakah **bukan** sunat wuduk?

- A Membaca basmalah (Bismillahirrahmanirrahim).
- B Berkumur-kumur sebanyak 3 kali.
- C Menyapu kedua-dua telinga luar dan dalam.
- D Membasuh kedua-dua belah kaki sebanyak 3 kali.

20 Berikut merupakan jenis-jenis solat secara duduk **KECUALI**

- A Duduk di atas lantai.
- B Duduk di atas katil.
- C Duduk di atas kerusi.
- D Duduk di atas pokok.

21 Antara berikut yang manakah **bukan rukun** dalam Solat Jenazah.

- A Takbir.
- B Rukuk & Sujud.
- C Bacaan Al-Fatihah.
- D Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

22 Berapakah jumlah rukun bagi Solat Jenazah?

- A Empat (4).
- B Lima (5).
- C Enam (6).
- D Tujuh (7)

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ
فَرَضَ الْكِفَايَةِ مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

23 Berikut merupakan lafaz niat bagi solat jenazah?

- A Wanita.
- B lelaki.
- C Ramai.
- D Kanak-kanak.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَاَرْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاغْفِرْ عَنْهُ

24 Berikut merupakan doa bagi jenazah?

- A lelaki.
- B wanita.
- C Kanak-kanak.
- D Ramai.

25 Bagaimanakah cara melakukan solat bagi orang yang lumpuh seluruh badan?

- A Solat secara duduk.
- B Solat secara baring menelentang
- C Solat secara baring mengiring.
- D Solat secara isyarat mata atau hati.

- 26 Apakah hukum melakukan Solat Jenazah?
- A Sunat.
 - B Sunat Muakkad.
 - C Fardhu Ain.
 - D Fardhu Kifayah.
- 27 Berapakah jumlah takbir dalam Solat Jenazah?
- A Empat (4).
 - B Lima (5).
 - C Enam (6).
 - D Tujuh (7).
- 28 Berapakah bilangan Rukun Solat?
- A Sebelas (11)
 - B Dua Belas (12)
 - C Tiga Belas (13)
 - D Empat Belas (14)
- 29 Antara berikut yang manakah **bukan** syarat-syarat Solat Jenazah?
- A Mesti suci & bersih daripada najis dan hadas.
 - B Mayat sudah dimandikan dan dikafankan.
 - C Letak mayat didepan kiblat orang yang disolatkan kalua solat dilakukan di atas kubur atau solat ghaib.
 - D Letak mayat disebelah kiblat orang yang disolatkannya kalua solat dilakukan diatas kubur atau solat ghaib.
- 30 Berikut merupakan apa yang dimaksudkan dengan Solat Jenazah Ghaib
- KECUALI**
- A Jenazah tidak ada dihadapan kita Ketika solat dilakukan.
 - B Jenazah tidak dijumpai.
 - C Jenazah meninggal di dalam laut.
 - D Jenazah ada dihadapan semasa disolatkan.